



23 JUL, 2024

## Fasa pertama projek Tamu Desa ikut jadual: Ewon

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Fasa pertama projek Tamu Desa ikut jadual: Ewon

### Mohd Izham bin Hashim

KOTA BELUD: Fasa pertama projek Tamu Desa di Sabah sedang berjalan mengikut perancangan, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick (**gambar**).

Secara keseluruhan, katanya, sejumlah 36 tapak Tamu Desa di 16 daerah di negeri ini akan dinaik taraf atau diganti dengan bangunan baharu di bawah fasa pertama projek dengan kos sebanyak RM7.005 juta.

Daripada jumlah tersebut, beliau berkata 14 tapak Tamu Desa di Kota Belud akan dinaik taraf dan dibina semula dengan kemudahan baharu dengan peruntukan RM2.95 juta.

Bercakap pada taklimat mengenai



pelaksanaan Projek Pembangunan Tamu Desa di sini, Ewon juga menggesa Pejabat Daerah, yang dilantik sebagai pentadbir projek, untuk mengambil langkah bagi memastikan kelancaran projek tersebut.

“Pejabat Daerah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan bagi memastikan projek Tamu Desa dilaksanakan dengan berkesan mengikut skop kerja dan disiapkan sepenuhnya menjelang akhir tahun ini,” tambahnya.

Ewon juga berharap projek Tamu Desa itu dapat memberikan keselesaan dan kemudahan yang lebih baik kepada peniaga kecil di pasar komuniti setelah ia siap, dan menambah, Kementerian akan mengikut rapat perkembangan projek itu.

Selepas taklimat, Ewon, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kadamaian,

melawat tapak Tamu Desa di Kg Rangalau dan merasmikan majlis pecah tanah sebagai tanda permulaan pembangunan Tamu Desa di kampung terbabit.

Beliau kemudian memeriksa kerja-kerja pembangunan awal Tamu Desa di Kg Gaur dan Tamu Desa Sosondoton Kg Piasau, yang kini berjalan lancar.

Antara tapak Tamu Desa di kawasan Kota Belud yang akan dibina dan dinaik taraf adalah Tamu Desa Sosondoton Piasau, Bazaar Sayap, Tamu Desa Kg Takulung, Tamu Desa Layu Nahaba, Tamu Desa Kg Gaur, Kg Pinolobu, Kg Sumbilingon, Kg Sarang, Kg Rangalau, Pekan Taginambur, Kg Melangkap, Kg Lasau, Kg Kiau Taburi dan Tamu Desa Kg Lompios.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Kuskop, Azizul Alias.



23 JUL, 2024

## Fasa pertama projek Tamu Desa ikut jadual: Ewon

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Mohd Izham bin Hashim KOTA BELUD: Fasa pertama projek Tamu Desa di Sabah sedang berjalan mengikut perancangan, kata Menteri Pembangunan Usahawan

dan Koperasi Datuk Ewon Benedick (gambar). Secara keseluruhan, katanya, sejumlah 36 tapak Tamu Desa di 16 daerah di negeri ini akan dinaik taraf atau diganti dengan bangunan baharu di bawah fasa pertama projek dengan kos sebanyak RM7.005 juta.